

Bekas pelumba cetuskan idea cipta G-MEOAS

S.H. 6/10/08 M/S 13

JALAN TUN ISMAIL – Bakat, kreativiti, kemahiran dan pengalaman luas dalam dunia permotoran adalah antara faktor kejayaan seorang bekas pelumba mencipta GME Oxygen Advance System (G-MEOAS) yang telah terbukti keberkesannya dalam menjimatkan bahan api kenderaan.

Mohd Zaki Suki, 41, berkata, kajian mengenai G-MEOAS telah dimulakannya sejak 1989 dan setelah kajian demi kajian dilakukan, sistem itu telah berjaya dihasilkan dengan sempurna pada 2005.

Katanya, beliau sendiri telah menggunakan sistem itu sejak awal lagi dan kelebihan sistem ciptaannya itu ialah ia boleh membantu menjimatkan petrol dan menyejukkan enjin kenderaan.

“Sistem ini mudah dipasang kepada kenderaan persendirian dengan kos yang amat rendah berbanding pemasangan sistem-sistem lain dan nisbahnya ialah tiga titik petrol dengan satu titik air.

“Kos pemasangannya di bawah RM500 dan G-MEOAS menggunakan air mineral yang mempunyai tahap alkali tinggi dan anti oksida yang dapat memelihara enjin,” katanya kepada **Sinar Harian** ketika ditemui selepas mengadakan demonstrasi G-MEOAS di Universiti Malaya Kampus Kota di sini.

Mohd Zaki berkata, setakat ini beliau belum memikirkan untuk mempatenkan ciptaannya itu supaya lebih ramai pemilik kenderaan yang akan dapat menggunakan sistem itu dengan kos yang murah.

Menurutnya lagi, G-MEOAS sesuai untuk pelbagai jenis kenderaan namun kuantiti injap saluran air yang harus dipasang adalah mengikut jenis kenderaan dan pemasangan serta penyelenggaraan sistem itu dilakukannya di Kampung Nakhoda, Selayang.

Menceritakan penglibatan awalnya di dalam dunia permotoran dan perlumbaan kereta, Mohd Zaki berkata, dia telah berjaya membaiki sebuah motosikal lupus seawal usia 12 tahun lagi dan sejak itu dia banyak membaca serta mengkaji bahan-bahan rujukan berkaitan dengan enjin.

Tambahnya, beliau memulakan kerjaya sebagai pelumba motosikal persendirian kategori Novice dan memiliki kelayakan Competition Licence daripada Persatuan Automobil Malaysia (AAM) serta pernah menyertai perlumbaan kereta persendirian Malaysian Cup Race di Batu Tiga, Shah Alam.

Beliau yang mendapat pendidikan di Sekolah Menengah St John, Kuala Lumpur merupakan seorang mekanik dan berkhidmat sebagai pakar teknikal di Maxoil Distribution Sdn Bhd serta kini



Mohd Zaki (kanan) memberikan penerangan mengenai enjin yang menggunakan G-MEOAS di UMCCed.

menumpukan sepenuh masa menjalankan kajian dan mengembangkan teknologi sistem hidrogen pada kenderaan.

Katanya, beliau ingin menasihatkan gene-

rasi muda yang mempunyai minat di dalam apa jua bidang supaya tidak berputus asa dan menganggap kegagalan adalah sebahagian daripada proses dalam menempa kejayaan.